



**KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

ARAS 9, BLOK D7, KOMPLEKS D
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel : 4603 - 8886 4003
Faks : +603 - 8889 2033
Emel : mas@islam.gov.my
Laman Web : <http://www.islam.gov.my>



Ruj. JAKIM(S).FTW.600-1/1 Jilid 1(29)
Tarikh : 27 Jamadilawal 1432
28 April 2011



Y. Bhg. Datuk Hj. Ismee bin Ismail
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Tabung Haji
201 Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Y. Bhg. Datuk,

**KEPUTUSAN MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN
BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA MENGENAI HUKUM
PENGUNAAN VAKSIN MENINGITIS MENVEO**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian Y. Bhg. Datuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-94 yang telah diadakan pada 20 hingga 22 April 2011 telah membincangkan Isu Hukum Penggunaan Vaksin Meningitis Menveo yang digunakan untuk suntikan kepada jemaah haji dan umrah. Berdasarkan pembentangan hasil kajian, taklimat dan penjelasan serta hujah-hujah dari aspek syarak yang telah dikemukakan, Muzakarah telah bersetuju membuat keputusan seperti berikut:

Hukum Penggunaan Vaksin Meningitis Menveo

"Setelah mendengar taklimat dan penjelasan daripada Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) dan meneliti keterangan, hujah-hujah serta pandangan yang dikemukakan, Muzakarah mengambil perhatian bahawa proses penghasilan Vaksin Menveo keluaran Syarikat Novartis Vaccines adalah sama sepertimana penghasilan Vaksin Mencevax keluaran Syarikat Glaxo Smith Kline (GSK).

Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa pada dasarnya hukum penggunaan vaksin Menveo adalah harus atas dasar diharurah sama seperti vaksin Mencevax yang telah diputuskan pada Muzakarah kali ke-53 bertarikh 27 November 2002 kerana sehingga kini masih belum ada mana-mana vaksin meningococcal meningitis yang dihasilkan 100% halal dan suci daripada awal hingga akhir proses penghasilannya.

Walaupun bagaimanapun untuk masalah umat Islam, Muzakarah berpandangan di antara kedua-dua vaksin ini, keutamaan adalah kepada vaksin Mencevax

yang telah digunakan sekian lama dan telah terjamin dari segi keberkesanan dan keselamatan kepada pengguna. Manakala vaksin Menveo masih baru di pasaran dan pemantauan kesan jangka panjang masih berterusan.

Muzakarah juga berpandangan bahawa Sijil Halal tidak wajar diberikan kepada vaksin Menveo kerana penentuan harus adalah atas dasar dharurah dan proses penghasilannya tidak mematuhi piawalan pensijilan halal Malaysia".

3. Sehubungan itu, sukacita dipohon Y. Bhg. Datuk mengambil maklum mengenai keputusan yang telah diputuskan tersebut. Perhatian dan kerjasama yang diberikan oleh pihak Y. Bhg. Datuk amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(H.J. OTHMAN BIN MUSTAPHA)

s.k.

Y. Bhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abd. Shukor bin Hj. Husin
Pengerusi
Jawatankuasa Fatwa
Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia